

Selongkar diri dalam tradisi, warisan bukan sekadar bahan sejarah

Dua penggiat seni muda anggap cinta budaya perjuangan kekal manusiawi di tengah arus kemodenan



NATASHA MUSTAFA
nmustafa@sph.com.sg
Penerbit Podcast

Seni warisan Melayu bukan sekadar legasi budaya, malah, ia mencerminkan kisah, emosi dan nilai masyarakat dahulu.

Menurut penggiat budaya, Muhammad Ilyia Kamsani, seni warisan memainkan peranan penting dalam membentuk identiti seseorang.

“Jika kita kehilangan warisan, kita akan kehilangan sebahagian daripada diri kita.

“Warisan memberi kita apa yang saya panggil sebagai ‘khalayan sejarah’, yang memberi kita keupayaan untuk memahami masa lalu, budaya dan akhirnya diri kita sendiri,” katanya, yang telah berkecimpung sebagai penggiat dikir barat belia selama lebih sedekad.

Dalam satu episod podcast *NoTapis*, terbitan *Berita Harian* (BH), Ilyia, 33 tahun, yang merupakan antara enam penerima sulung Anugerah Belia Cemerlang dalam Warisan Budaya Tidak Ketara (ICH), berkongsi pengamatannya tentang seni warisan.

Anugerah yang disampaikan Lembaga Warisan Negara (NHB) pada 18 Mac di Auditorium Stephen Riady, One Marina Boulevard, NTUC Centre, itu turut mengiktiraf usaha penggiat muzik tradisional, Syafiqah ‘Adha Sallehin, 35 tahun.

Syafiqah, selaku pengarah muzik kumpulan Gendang Akustika, juga merupakan penerima Anugerah Belia Cemerlang dalam ICH, yang ikut serta dalam sambang santai podcast *NoTapis*.

Empat penerima lain ialah Adrian Ong Sin Yong (penggiat seni boneka Cina); Banupriya Ponnarasu (penari tarian India); Ng Si Ying (penggiat seni kraf produk rotan); dan Niranjan Pandian (penggiat muzik tradisional India).

Diperkenalkan buat julung-julung kali pada 2025, anugerah itu merupakan usaha melabur dalam kelangsungan serta pena-



Antara enam penerima sulung Anugerah Belia Cemerlang dalam Warisan Budaya Tidak Ketara (ICH), Muhammad Ilyia Kamsani (kanan) dan Syafiqah ‘Adha Sallehin (tengah), berkongsi pandangan tentang seni warisan yang mereka perjuangkan di Singapura dalam satu podcast *NoTapis* bersama penerbit podcast, Cik Natasha Mustafa. – Foto BH oleh KHALID BABA

katan warisan budaya dengan mengiktiraf sumbangan penting penggiat muda dalam bidang itu.

Setiap penerima Anugerah Belia Cemerlang dalam ICH menerima piala, sijil penghargaan, dan berpeluang mendapat geran sehingga \$20,000 untuk melaksanakan projek yang diluluskan NHB.

Dalam sesi podcast itu, Ilyia menyifatkan seni warisan berfungsi sebagai wadah untuk berkongsi pengalaman dan emosi sesama manusia.

“Seni warisan memberi kita nilai murni dan satu sisi kemanusiaan.

“Ini membolehkan kita memahami pengalaman orang lain dan membina empati apabila kita berkongsi perasaan antara satu sama lain,” kata beliau, yang dilantik sebagai Sahabat Sastera oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) pada 2021.

Dalam podcast tersebut, Ilyia turut berpendapat warisan menyediakan ruang penting untuk golongan muda meneroka identiti dan meluaskan diri dalam konteks moden.

“Saya lihat dalam konteks Singapura, anak muda dalam masyarakat pendikir gemar menceburi bidang dikir barat kerana ia memberikan mereka ruang kebe-

basan untuk meneroka peranan mereka dalam dunia.

“Melalui seni warisan seperti ini, ia memberi ruang untuk kita menjadi diri sendiri dan mengimbangi antara tradisi dengan kemodenan,” katanya.

Namun, beliau mengakui usaha melestarikan seni warisan tidak terlepas daripada pelbagai cabaran.

Antara cabaran itu termasuk tanggapan masyarakat serta keperluan menyesuaikan diri dengan perubahan zaman.

Sebagai contoh, Ilyia berkata terdapat tanggapan sesetengah ibu bapa bahawa penglibatan dalam seni seperti dikir barat boleh menjejaskan pelajaran anak.

“Bila kumpulan dikir berkumpul, selalunya kita ramai dan kadangkala mungkin dilihat seperti ‘ganas’.

“Tanggapan seperti ini memang wujud dan ia menjadi satu tanggungjawab kepada penggiat seni untuk mengubah pandangan tersebut,” katanya.

Di samping itu, beliau menambah, golongan aktivis seni perlu lebih kreatif dalam menarik minat generasi muda.

Sementara itu, bagi Syafiqah, seorang lulusan Konservatori Muzik Yong Siew Toh di Universiti Nasional Singapura (NUS),

yang kemudian berkhidmat sebagai pendidik di konservatori yang sama, warisan tidak pernah terpisah daripada kehidupan seharian masyarakat.

“Kalau kita fikirkan, ia masih wujud dalam kehidupan harian kita.

“Contohnya apabila kita menyambut Hari Raya, kita bukan saja meraikannya dari segi agama, malah dari segi budaya melalui pakaian, muzik dan tradisi,” katanya.

Beliau menambah, muzik Melayu tradisional yang sering berteraskan emosi seperti kerinduan dan kehilangan membawa kisah kehidupan sebenar generasi terdahulu.

“Dalam lagu-lagu ini, ada perasaan dan ada cerita kehidupan manusia.

“Ia sangat dekat dengan kemanusiaan, sebab itu ia begitu bermakna,” ujarnya.

Namun, Syafiqah turut menekankan antara cabaran utama dalam mengekalkan seni warisan hari ini adalah sikap masyarakat yang lebih cenderung menjadi pengguna kandungan berbanding pencipta.

“Tanpa proses, kita hanya menjadi pengguna.

“Kita tidak menghargai perjalanan di sebalik sesuatu karya

itu,” katanya.

Selain itu, beliau berkata terdapat juga jurang dalam penyampaian ilmu seni warisan, apabila tidak semua penggiat seni mempunyai kemahiran untuk berkongsi atau mengajar kepada orang lain.

Menurutnya, usaha memperkenalkan dan menyebarkan seni warisan memerlukan pendekatan lebih kreatif, termasuk memanfaatkan wadah digital, agar ia kekal relevan dalam kalangan generasi masa kini yang lebih terdedah kepada pelbagai pengaruh luar.

Walaupun berdepan cabaran dunia moden yang serba pantas, Syafiqah berkata usaha melestarikan warisan perlu diteruskan agar ia tidak terputus.

“Warisan ini bukan sekadar seni, ia adalah kisah kita sebagai manusia.

“Kalau kita tidak teruskan, perjuangan mereka sebelum kita, sia-sia saja,” ujar ibu seorang anak itu.

Sebelum ini, Syafiqah pernah menerima beberapa anugerah pengiktirafan seperti Tunas Warisan daripada Yayasan Warisan Melayu, Anugerah Artis Muda, Majlis Seni Kebangsaan (NAC) dan Anugerah Jauhari Inspirasi BH.



— Foto fail

“Seni warisan memberi kita nilai murni dan satu sisi kemanusiaan. Ini membolehkan kita memahami pengalaman orang lain dan membina empati apabila kita berkongsi perasaan antara satu sama lain.

Muhammad Ilyia Kamsani, penggiat dikir barat.



— Foto fail

“Warisan ini bukan sekadar seni, ia adalah kisah kita sebagai manusia. Kalau kita tidak teruskan, perjuangan mereka sebelum kita, sia-sia saja.

Syafiqah 'Adha Sallehin, penggiat muzik tradisional.